



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
(KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI)
KENYATAAN SEBUTHARGA**

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal yang berkelayakan dan berpengalaman serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kategori dan pengkhususan berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perkhidmatan berikut:

BUTIRAN SEBUTHARGA	TAKLIMAT SEBUTHARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
Sebutharga LPP (HQ) Bil. 17/2019 Perkhidmatan Penyewaan Dan Penyelenggaraan Mesin Penapis Air Untuk Menara Lembaga Pertubuhan Peladang Sebanyak 21 Unit Selama 3 Tahun	24 Mei 2019 (Jumaat) Jam 10.00 pagi Bilik Mesyuarat Mawar 2, Aras 8B Menara Lembaga Pertubuhan Peladang No 20 Jalan Sultan Salahuddin 50480 Kuala Lumpur Malaysia.	221502 - Perkhidmatan Penyewaan Dan Pengurusan Mesin Dan Peralatan Pejabat	Percuma	30 Mei 2019 (Khamis)

Pembekal yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat Sebutharga seperti tarikh dan alamat di atas. Pembekal yang tidak hadir taklimat tidak akan dipertimbangkan dan semua surat menyurat berkaitan dengannya tidak akan dilayan. Wakil Syarikat **TIDAK DIBENARKAN** untuk menghadiri taklimat sebutharga. Hanya Pemilik Syarikat / Penama yang dibenarkan menghadiri taklimat dengan membawa bersama **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** Untuk Pengesahan.

Dokumen sebutharga boleh diambil di alamat berikut **selepas taklimat** atau pada waktu pejabat bermula jam **9.00 pagi** hingga **4.00 petang** mulai **24 Mei 2019 (Jumaat)** hingga **30 Mei 2019 (Khamis)**

**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
CAWANGAN PEROLEHAN, BAHAGIAN KEWANGAN,
ARAS 8B MENARA LPP, NO. 20, JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50480 KUALA LUMPUR (Tel: 03-26109600)**

Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada wakil pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil pembekal hendaklah membawa **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**.

Dokumen sebutharga yang telah sempurna hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri yang mengandungi dokumen serta dicatatkan nombor sebutharga di sudut kiri atas sampul surat tersebut. Dokumen sebutharga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat seperti dinyatakan di atas **sebelum tarikh tutup yang dinyatakan di atas Jam 12.00 tengahari**. Tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa sebutharga ditutup akan ditolak.

Lembaga Pertubuhan Peladang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh Iklan : 21 Mei 2019 (Selasa)